

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN

BILANGAN 2 TAHUN 2024

**PELANJUTAN TEMPOH PEMBERIAN DISKAUN KHAS KE ATAS BAYARAN
PREMIUM BAGI PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH DI
BAWAH SEKSYEN 90A KANUN TANAH NEGARA 1965**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 11/2024 yang bersidang pada 29 Mei 2024 telah membuat keputusan sebagaimana berikut:

- 1.1 Tempoh pemberian diskaun khas ke atas bayaran premium bagi permohonan pelanjutan tempoh pajakan tanah yang berakhir pada 30 April 2024 dilanjutkan sehingga 30 April 2025;
- 1.2 Lain-lain kelulusan yang dibuat dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2020 yang bersidang pada 22 April 2020 melalui Kertas Bilangan 9/2020 D7(105) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 09/2022 yang bersidang pada 18 Mei 2022 melalui Kertas Bilangan 9/2022 D8(126) sebagaimana Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 04/2020 dan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 1/2022 adalah dikekalkan.
2. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bilangan 04/2020, Pekeliling PTG Bilangan 1/2022 dan Arahan PTG Bilangan 03/2020.
3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa serta –merta dan semua Pentadbir Tanah hendaklah mengambil maklum akan keputusan Pihak Berkuasa Negeri ini dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.


.....
DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, D.P.S.K.(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrS. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.23/6/57 (17)
BERTARIKH : 29 Julai 2024/23 Muharam 1446H.